



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : LATIHAN DAN PEMBANGUNAN**  
**KOD KURSUS : DSM2153**  
**PEPERIKSAAN : APRIL 2018**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi DUA (2) bahagian: BAHAGIAN A (50 Markah)  
BAHAGIAN B (50 Markah)
  
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

a. Terangkan maksud bagi istilah berikut:

- i. Latihan
- ii. Pendidikan
- iii. Pembangunan

(6 markah)

b. Huraikan **dua (2)** masalah yang menjadi penghalang kepada pemindahan latihan di organisasi.

(4 markah)

**SOALAN 2**

Bincangkan secara ringkas peranan *Human Resource Development Fund* (HRDF) dalam pembangunan program latihan di Malaysia.

(10 markah)

**SOALAN 3**

Program latihan yang berkesan ialah satu program latihan yang dapat dimanfaatkan oleh peserta secara maksimum. Oleh itu, jelaskan **lima (5)** teknik yang digunakan untuk mempertingkatkan pemindahan latihan dalam organisasi.

(10 markah)

**SOALAN 4**

- a. Jelaskan **tiga (3)** kelemahan organisasi menjalankan latihan di tempat kerja (*in-house training*).  
(6 markah)
- b. Bincangkan **dua (2)** kebaikan organisasi menjalankan latihan di luar tempat kerja.  
(4 markah)

**SOALAN 5**

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan objektif? Huraikan **satu (1)** kepentingan objektif latihan.  
(4 markah)
- b. Bincangkan **tiga (3)** komponen objektif program latihan yang anda ketahui.  
(6 markah)

**[50 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.  
Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Ilustrasikan gambar rajah model peristiwa-peristiwa kritis.  
(10 markah)
- b. Pendekatan program latihan merupakan aspek penting dalam memastikan beberapa prinsip dan perbezaan asas program latihan dapat diambil kira sebelum sesuatu program latihan itu dirangka dengan lebih terperinci. Bincangkan **tiga (3)** pendekatan yang boleh diaplikasikan dalam program latihan di organisasi.  
(15 markah)

**SOALAN 2**

- a. Huraikan **dua (2)** etika kerja khusus bagi jurulatih.  
(5 markah)
- b. Teori pembelajaran mempunyai kaitan erat dengan kerja latihan kerana peranan utama jurulatih adalah mendidik dan memudahkan tingkah laku pelatih. Berdasarkan empat orang pelopor teori bahaviorisme, bincangkan secara ringkas bagaimana teori behaviorisme ini diterapkan dalam pembelajaran latihan.  
(10 markah)
- c. Kemukakan bagaimana teori kognitif dan juga teori humanistik boleh diaplikasikan dalam pembelajaran latihan.  
(10 markah)

**SOALAN 3**

- a. Encik Haris merupakan jurulatih program latihan yang berpengalaman luas dalam memberikan latihan dan juga seminar. Oleh itu, bincangkan **lima (5)** peranan Encik Haris sebagai seorang jurulatih.

(10 markah)

- b. Pada hari ini, program latihan mendapat tempat dalam kalangan organisasi. Organisasi mula melihat dan juga melabur untuk program latihan bagi meningkatkan produktiviti pekerja dan juga organisasi. Oleh itu, huraikan **lima (5)** jenis program latihan yang biasanya dilakukan oleh organisasi.

(15 markah)

**[50 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**



